

25 MAY 1996

Keng Yaik - Lojing

KELANTAN DIMINTA BENDUNG HAKISAN TANAH DI BUKIT LOJING

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini menggesa kerajaan negeri Kelantan agar mengambil tindakan segera bagi membendung kemusnahan alam sekitar yang berpunca oleh pembangunan pesat dan aktiviti pembalakan di kawasan tanah tinggi Lojing di Gua Musang, Kelantan.

Beliau berkata pembangunan pesat dan aktiviti pembalakan di tanah tinggi dianggap pemusnah alam sekitar yang menimbulkan masalah pemendapan dan hakisan di kawasan itu dan sekitarnya.

"Mereka sepatutnya sama ada menanam semula atau segera lakukan sesuatu untuk mengawal hakisan tanah," katanya ketika diminta mengulas mengenai keputusan kabinet untuk menubuhkan satu jawatankuasa teknikal bagi memelihara tanah tinggi Lojing.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan ibu pejabat baru Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) di Cheras di sini.

Keng Yaik berkata kementerian itu tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengawal sebarang pembangunan tidak tersusun membabitkan kerja-kerja merata tanah kerana penguatkuasaan undang-undang tertakluk di bawah kerajaan negeri.

"Walaupun jika kerajaan negeri berkenaan bertegas terhadapewartakan hutan simpanan itu, kementerian itu hanya boleh menyelaraskan manakala Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) adalah di bawah kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

"Bagaimanapun, kementerian itu menerusi agensinya seperti Jabatan Perhutanan dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) boleh membekal input teknikal," katanya.

Kabinet pada 16 Mei membuat keputusan bahawa satu jawatankuasa teknikal terdiri daripada wakil-wakil dari agensi berkenaan termasuk Kementerian Perusahaan Utama, Jabatan Alam Sekitar, Perhutanan, Pengairan dan Saliran serta pihak berkuasa tempatan akan ditubuhkan untuk meninjau kegiatan membersihkan tanah yang berleluasa di Lojing.

Keputusan itu berdasarkan kepada satu laporan yang dikemukakan oleh satu jawatankuasa, yang ditubuhkan untuk mengawasi keadaan di Lojing pada 1994, yang menyatakan masalah pemendapan dan hakisan yang serius masih berterusan meskipun Kerajaan Negeri memberi jaminan untuk menghentikan kegiatan itu.

Kegiatan membersihkan tanah yang berleluasa di Lojing pertama kali diketengahkan pada Ogos 1994 apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan kebimbangan beliau terhadap sikap kerajaan negeri yang membenarkan pembangunan di kawasan cerun bukit meskipun telah berulang kali diingatkan agar tidak berbuat demikian. -- BERNAMA

HS CR